

07 JUL 1996

Tambak

S'PURA AKAN KAJI CADANGAN, KATA BRIG JEN LEE

Oleh: Tan Hock Guan

SINGAPURA, 7 Julai (Bernama) -- Singapura akan mengkaji cadangan Malaysia untuk menggantikan Tambak Johor yang menghubungkan kedua-dua negara dengan sebuah jambatan, menurut laporan media hari ini.

Timbalan Perdana Menteri Brig Jen Lee Hsien Loong memberitahu stesen radio dan televisyen Singapura bahawa cadangan itu sangat "menarik dan kita akan mengkajinya".

Beliau berkata Johor sedang membangun dan Singapura berharap lebih banyak sinergi antara negeri itu dan Singapura.

Lee berkata kerajaan Malaysia dan Singapura belum lagi membincangkan perkara itu.

Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melahirkan kemungkinan merobohkan Tambak sepanjang 1.2 km itu dan menggantikannya dengan sebuah jambatan bagi membolehkan Selat Johor dimajukan kembali sebagai laluan air. Tambak itu yang dibina oleh Britain dibuka pada tahun 1924.

Beliau menyatakan kemungkinan itu ketika merasmikan JB Waterfront City bernilai RM6,000 juta di Johor Baharu Jumaat lepas.

Menteri Perdagangan dan Industri Singapura Yeo Cheow Tong juga memberitahu stesen radio dan televisyen Singapura bahawa pembinaan sebuah jambatan untuk menggantikan Tambak itu "boleh meningkatkan keupayaan lalulintas".

Sebuah Jambatan Menyeberangi Laluan Kedua yang menghubungkan Tuas di Singapura dan Tanjung Kupang di Johor sedang dibina oleh kerajaan Malaysia dan Singapura.

Laluan Kedua itu dijangka siap menjelang akhir tahun 1997.

Kira-kira 100,000 orang menyeberangi Tambak itu setiap hari dari kedua-dua arah berbanding kira-kira 17,000 orang setiap hari ketika kawalan imigresen dikenakan antara kedua-dua negara pada Julai 1967.

-- BERNAMA

THG AKD